

**NOTIS SEBUTHARGA**  
(<http://www.smecorp.gov.my>)

Tawaran adalah dipelawa kepada syarikat yang berpengalaman, berkelayakan dan berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia bagi melaksanakan perkhidmatan berikut:

NO. SEBUT HARGA	TAJUK	TARIKH SEBUT HARGA TERSEDIA DIMUAT TURUN	KOD BIDANG	TARIKH TUTUP
Bil. 2/2024	Perkhidmatan Penganjuran ASEAN Hong Kong, China (AHKC) SMEs Going ESG Policy Dialogue & Workshop 2024: Empowering SME Sustainability	06 Mac 2024 (Rabu)  HINGGA 13 Mac 2024 (Rabu)  <a href="http://www.tenderwizard.my/SMECORP">www.tenderwizard.my/SMECORP</a>	<b>221305 atau 221110</b>	13 Mac 2024 (Rabu)  Sebelum atau pada pukul 12.00 tengahari  WAJIB dikunci masuk (key-in) ke dalam sistem  <a href="http://www.tenderwizard.my/SMECORP">www.tenderwizard.my/SMECORP</a>

1. JENIS TAWARAN : Terbuka
2. TEMPOH SAH LAKU : 90 hari
3. SME Corp. Malaysia tidak terikat untuk menerima Cadangan Tawaran terendah atau mana-mana cadangan tawaran. SME Corp. Malaysia berhak untuk menerima, menolak atau membatalkan keseluruhan atau sebahagian daripada Cadangan Tawaran.
4. Syarikat yang berminat hendaklah berdaftar dalam kod bidang yang dinyatakan di atas. Untuk makluman, Kementerian Kewangan Malaysia telah menguatkuasakan penggunaan Kod-kod Bidang baharu dan peraturan baharu pendaftaran mulai 17 Jun 2012. Penguatkuasaan ini dikenakan ke atas semua syarikat dan firma perunding yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia. Sila rujuk laman web rasmi ePerolehan di [www.eperolehan.gov.my](http://www.eperolehan.gov.my) untuk maklumat lanjut.
5. Hanya penyebut harga yang telah berdaftar **SECARA DALAM TALIAN (ONLINE)** dengan pihak SME Corp. Malaysia dalam Sistem **Tenderwizard** sahaja layak menyertai Sebut Harga ini. Pendaftaran sebagai pembekal dengan pihak SME Corp. Malaysia boleh dilakukan secara dalam talian (online) [www.tenderwizard.my/SMECORP](http://www.tenderwizard.my/SMECORP) (klik pada ruangan "Register") untuk pendaftaran baru.
6. Pengguna baru system **Tenderwizard** akan dikenakan Yuran Pendaftaran sebanyak **RM200.00** yang perlu dibayar kepada pihak pembekal sistem. Akaun akses ini hanya akan diaktifkan selepas penyebut harga melengkapkan permohonan secara online dan menjelaskan Yuran Pendaftaran. Yuran Pendaftaran ini adalah sah untuk tempoh satu (1) tahun sahaja dan perlu diperbaharui untuk tahun berikutnya.
7. Cadangan tawaran yang dikemukakan selepas tarikh dan masa tutup tidak akan dipertimbangkan.

8. Sebarang pertanyaan berkaitan sebut harga ini boleh dirujuk ke Unit Perolehan, SME Corp. Malaysia di talian 03-2775 6245 / 6025 atau e-mel, [perolehan@smecorp.gov.my](mailto:perolehan@smecorp.gov.my).
9. Sebarang pertanyaan berkaitan penggunaan Sistem Perolehan Dalam Talian (Sistem Tenderwizard) boleh dirujuk ke alamat berikut:

**Tender Pintar Sdn Bhd**

Unit A-5, Block A, Level 5,

Sunway PJ51A, Jalan SS9a/19, Seri Setia,

47300 Petaling Jaya, Selangor, Malaysia.

0379627957 / 7819 / 7947 / 7870 / 7866 / 7831/ [support@tenderpintar.com](mailto:support@tenderpintar.com)

10. Penyebutharga hendaklah mengambil maklum berkenaan fi perkhidmatan sebanyak 0.8% bagi setiap transaksi yang dijana melalui System Tenderwizard yang dikenakan oleh pihak Century Software (M) Sdn. Bhd. kepada penyebutharga yang berjaya, tertakluk kepada had maksimum RM9,600.00 bagi setiap transaksi yang melebihi RM1.2 juta. Fi perkhidmatan ini akan dikenakan Cukai Jualan dan Cukai Perkhidmatan (CJCP) berdasarkan kadar terkini yang berkuatkuasa.